

CBS Asli 2016 dekatkan UniSZA dengan Orang Asli

GONGBADAK – Seramai 70 warga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terdiri daripada kakitangan dan penuntut menyertai Program Ekspedisi Cakna Bersih dan Sihat Masyarakat Orang Asli Pantai Timur 2016 (CBS Asli 2016).

Ekspedisi julung kali itu memabatkan lima perkampungan Orang Asli di Terengganu dan Kelantan iaitu Sungai Berua, Aring 5, Merlung, Taman Sri Galas serta Pos Pulat.

Penyelaras program, Prof. Dr Ramlee Abdullah berkata, program itu diperkenalkan untuk mempercepatkan usaha kerajaan memajukan masyarakat Orang Asli dan membawa mereka ke dalam masyarakat arus perdana.

"Program ini juga bertujuan meningkatkan pengetahuan Orang Asli mengenai perkembangan masyarakat sekitar dan menjadikan mereka lebih bersedia menerima perubahan.



Antara kakitangan dan penuntut UniSZA yang mengikuti program CBS Asli 2016.

"Kami turut meningkatkan pengetahuan mereka mengenai penjagaan kebersihan, kesihatan dan lain-lain meliputi pendidikan serta ekonomi Orang Asli di Pantai Timur," katanya.

Kata Dr Ramlee lagi, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang ekspedisi itu melibatkan Pusat Tanggungjawab di UniSZA antaranya pemeriksaan kesihatan oleh Fakulti Perubatan, pempen kebersihan alam sekitar, per-

sembahan nyanyian, sukaneka dan kerohanian.

"Berdasarkan aktiviti yang kita jalankan, mereka menunjukkan maklum balas positif dengan turut serta mengambil bahagian dalam aktiviti

yang dijalankan.

"Justeru, kita harap program ini akan diteruskan dengan fokus terlebih dahulu kepada masyarakat Orang Asli di Terengganu dan Kelantan sebelum diperluas ke Pahang," katanya.